

# Semangat kahwin muda

Berjauhan dengan isteri dorong Shahzada berjaya di menara gading

>>Oleh Haidhar Hilmi

am@hmetro.com.my

**B**ATU PAHAT: Berkahwin pada usia muda tidak menghalang anak pemandu lori, Shahzada Khan Nawab Khan, 24, untuk merangkul Anugerah Diraja Sempena Majlis Konvokesyen Ke-12 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di sini, semalam.

Menurut Shahzada, dia berkahwin ketika berumur 23 tahun dan menuntut di tahun ketiga sarjana muda kejuruteraan mekanikal.

"Kami berkenalan ketika menghadiri kem untuk basiswa Yayasan Tunku Abdul Rahman. Saya bersyukur kerana isteri, Elliyin Yasif, 24, banyak memberi dorongan untuk saya berjaya.

"Semangat untuk belajar ketika mengikuti pengajian selama lima tahun di sini tidak pernah luntur walau pun Elliyin berada di Johor Bahru kerana menuntut di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai," kata-

nya.

Menurut Shahzada yang memperoleh Purata Nilai Gred kumulatif (CGPA) 3.89, menuntut ilmu ketika bergelar suami tidak sesukar seperti dibayangkan.

Katanya, walaupun berjauhan kerana melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) ber-

## UTHM terima taraf cemerlang

**B**ATU PAHAT: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini, menerima pengiktirafan cemerlang 'Tier 5' menerusi penilaian Sistem Penarafan Institusi Pengajaran Tinggi 2011 (Setara 11) yang dikendalikan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Setara 11 mengklasifikasi penarafan kepada enam tahap (Tier) dengan Tier 6 sebagai tahap tertinggi iaitu terbilang, Tier 5 (cemerlang), Tier 4 (sangat baik), Tier 3 (baik), Tier 2 (memuaskan) dan lemah bagi Tier 1.

Naib Canselor UTHM, Datuk Profesor Dr Mohd Noh Dalimin berkata, sistem penarafan itu dilaksanakan bagi mengukur kualiti, tanggungjawab dan prestasi setiap institusi pengajaran tinggi (IPT) di seluruh Malaysia dengan memberi



SERAH...Dr Mohd Noh menyerahkan Anugerah Naib Canselor kepada graduan cemerlang, semalam.

fokus terhadap pengajaran juga pembelajaran pada peringkat ijazah pertama.

"Penilaian ini satu daripada usaha berterusan Kementerian Pengajian Tinggi dalam meningkatkan budaya penambahbaikan

kualiti yang melengkapi jaminan kualiti MQA," katanya selepas menyampaikan Anugerah Naib Canselor kepada 203 graduan cemerlang yang memperoleh purata nilai gred 3.5 ke atas, semalam.

lainan, ia tidak mematahkan semangat mereka untuk berusaha meraih kejayaan.

"Ibu bapa juga banyak memberi dorongan, keluarga kami bukan di kalangan orang senang dan saya akan gunakan kejayaan ini untuk mengubah nasib keluarga," katanya.

Shahzada seorang daripada 2,775 graduan yang bakal menerima diploma dan ijazah masing-masing pada Majlis Konvokesyen UTHM ke-12 yang bermula hari ini.

Bagi pasangan kembar yang mengambil jurusan sarjana muda kejuruteraan mekanikal, Muhamad Nazeri Tumiry dan Muhamad Sani, 27, mereka bangga kerana menggenggam ijazah bersama-sama.

Menurut Nazeri, dia dan adiknya menyewa bersama bagi memudahkan mereka mengulang kaji pelajaran.

"Kami mengulang kaji pelajaran bersama walaupun daripada kelas berbeza. Ini kerana kami mengambil jurusan sama."

"Kami merancang untuk mengambil jurusan sama bagi memudahkan urusan kami, ia juga mendapat sokongan ibu bapa dan keluarga," katanya.



BANGGA... Shahzada bersama isterinya, Elliyin menunjukkan pingat Anugerah Diraja yang diterimanya.